

TAJUK : PERKAHWINAN DI DALAM ADAT PEPATIH

NAMA	NO. MATRIK
MELAYAD BEN SIBEK	37118
MOHD ZAEI BT MOHD SHAM	36099
HOSZA IFAH BT BASIR	36932
JULIANI BT JUSOH	36933

PROGRAM : BACHELOR SAINS (PEMBANGUNAN MANUSIA)

NO.KUMPULAN : 22

KANDUNGAN

MUKASURAT

PRAKATA

PENGHARGAAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Objektif Kajian	2
1.3	Kepentingan Kajian	2
1.4	Kaedah Kajian	3
2.0	MERISIK	4
2.1	Risik Berdesus	4
2.2	Cincin Tanya	5
3.0	MEMINANG DAN BERTUNANG	6
3.1	Cincin Tunang	6
3.2	Janji	7
3.3	Barang Yang Dibawa Pada Hari Pertunangan	7
4.0	ADAT BERKAMPUNG	9
4.1	Mengembang Cincin	9
4.2	Pembahagian Kerja/Tugas (Berkampung Kecil)	10
5.0	ADAT BERNIKAH	12
5.1	Hari Pernikahan	12
5.2	Malam Berinai Besar	13
6.0	BERSANDING	14
6.1	Majlis Bersanding	15
6.2	Kenduri-kendara	16
6.3	Menepung Tawar	16
6.4	Menyalang	16
6.5	Menyembah	16
6.6	Selepas Kenduri Kahwin	17
7.0	KESIMPULAN	18

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. Tuhan Semesta alam, kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga kumpulan kami menyiapkan kertas kerja ini di dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

Kertas kerja ini sedikit sebanyak dapat mendedahkan kepada kita terutamanya generasi masa kini tentang selok belok sesebuah perkahwinan bagi masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Papatih. Sebagaimana yang diketahui Adat Papatih mempunyai ciri-ciri yang tersendiri berbanding dengan adat lain yang diamalkan oleh berbagai kaum di Malaysia. Bermula dari majlis merisik hinggalah bersanding, kita akan mengetahui bahawa setiap kerja yang dilakukan adalah dalam suasana bergotong-royong dan tolong-menolong di antara satu sama lain. Dengan cara ini akan terwujudlah masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni dan aman damai.

Kajian yang dibuat ke atas perkahwinan ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai bagaimana adat tersebut dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Peralatan-peralatan yang digunakan juga turut dinyatakan agar tidak timbul kekeliruan kepada orang-orang yang tidak mengetahui tentang adat-adat bagi upacara perkahwinan dalam Adat Papatih ini.

Adat Papatih ini dikatakan 'adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah' dan diumpamakan seperti 'tiga tali sepintalan, tiga tungku sejerangan' di mana ianya berdasarkan Adat, Agama dan Pemerintahan yang saling berkait di antara satu sama lain.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Bersyukur ke hadrat Allah, di atas limpah kurnia dan izinNya maka kami dapat menyiapkan kertas kerja dalam kursus SKA 300.

Di samping itu kami ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pensyarah kami yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada kami untuk menyediakan kertas kerja ini.

Tidak lupa penghargaan ini ditujukan kepada penduduk-penduduk Kampung Tengah, Sri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang telah banyak memberi kerjasama dalam menyiapkan kertas kerja ini. Begitu juga kepada para Buapak dan Lembaga yang telah sudi meluangkan masa untuk membantu kami dalam mendapatkan maklumat.

Akhir sekali buat teman-teman yang turut memberikan kerjasama dalam menyempurnakan kertas kerja ini. Akhir kata kami ingin berharap agar pengalaman ini akan memberi kami panduan yang berguna untuk membuat kertas kerja yang seterusnya di sepanjang pengajian kami di Universiti Pertanian Malaysia ini.

Sekian, Terima Kasih.

7.0 KESIMPULAN

Daripada kajian yang dibuat, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Adat Pepatih masih lagi diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan kecuali di beberapa tempat seperti di Seremban dan Port Dickson yang agak berkurangan. Kekeliruan orang luar timbul terhadap kata-kata perbilangan seperti 'biar mati anak, jangan mati adat'. Ini adalah disebabkan oleh ketidak fahaman mereka ke atas nilai yang dipegang oleh masyarakat yang mengamalkan Adat Pepatih. Maksudnya ialah Lembaga atau Buapak yang menjadi ketua bagi sesuatu suku tetap akan menjatuhkan hukuman ke atas anaknya sendiri sama ada berat atau ringan sekiranya anak mereka melakukan kesalahan ataupun melanggar adat tanpa memilih kasih.


Terdapat sedikit sebanyak dari adat tersebut yang tidak lagi diamalkan dan berlaku kerana sesetengah daripada generasi sekarang bukan berasal dari kelompok-kelompok suku yang terdapat di Negeri Sembilan. Oleh itu para Buapak dan Lembaga haruslah memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah ini dengan cara mengamalkannya dan memberi tunjuk ajar serta nasihat ke atas anak-anak buah di bawahnya supaya adat-adat ini masih terus digunakan bersama peredaran zaman.

Kebanyakan daripada adat ini melibatkan kerjasama dan gotong-royong di antara satu sama lain. Akhir sekali dapatlah dikatakan bahawa adat dan syarak Islam adalah saling melengkapi berdasarkan :

Adat bersendikan Hukum, Hukum bersendikan Kitabullah,
Kuat Adat tak gaduh Hukum, Kuat Hukum tak gaduh Adat,
Ibu Hukum muafakat, Ibu Adat muafakat.

BIBLIOGRAFI

Nordin Selat (Dr) (1975). Sistem Sosial Adat Papatih.
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.




DAERAH-DAERAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN

- 1- Luak Jelebu
- 2- Luak Jempol
- 3- Luak Sungai Ujong
- 4- Luak Muar
- 5- Luak Terachi
- 6- Luak Johol
- 7- Luak Rembau

- 8- Luak Gunung Pasir
- 9- Luak Inas
- 10- Linggi
- 11- Tampin
- 12- Luak Gemencheh
- 13- Air Kuning

CARTA PEMERINTAHAN NEGERI SEMBILAN



CIRI-CIRI YANG DIPERLUKAN OLEH SEORANG PEMIMPIN

Diantara ciri-ciri yang diperlukan ialah :-

1. Mestilah lelaki.
2. Berhak dicalunkan dari segi keturunan.
3. Beragama Islam.
4. Baligh dan dewasa.
5. Dari keturunan yang baik-baik.
6. Dipersetujui oleh orang-orang yang hendak dipimpin.
7. Punyai kedudukan ekonomi yang baik dan kukuh.
8. Badan dan kesihatan yang baik.
9. Mempunyai watak dan akal yang baik iaitu : -
 - i. pemurah
 - ii. sabar
 - iii. amanah
 - iv. tabligh - menyampaikan adat-adat untuk anak buah

KATA-KATA ADAT

1. Merisik

Yang kecil sudah besar,
Yang belayar sudah pulang,
Yang bingung sudah cerdik,
Telaku pula nak berumahtangga,
Lalu dirisikan duai,
Dekat rumah dekat kampung,
Serantau hilir serantau hulu,
Risik sudah berdesus,
Gamit sudah berkecapi,
Orang membeli kerbau dengan talinya,
Mengikat kata dengan tanda,
Diberi cincin sebetul,
Kalau sah sekata menjadi,
Kalau tak sah sekata pulang balik,
Kalau sah sekata janji pun diikat,
Kalau helah perempuan ganda tanda,
Kalau helah laki-laki loncor.

2. Mengembang Cincin

Cincin sebetuk tanda muafakat,
Menanya emak bapak eei,
Kemudian cincin digenggam oleh emak bapak eei,
Yang jauh dijemputkan,
Yang dekat di kampungkan,
Kemudian cincin pun dibuka,
Sah sekata menerima,
Tak sah sekata benda dipulangkan,
Lalu dibuatlah janji adat,
Dua hari akan ketiga atau tujuh hari,
Lambat-lambatnya dua kali tujuh hari,
Jika sakit laki-laki lari pada perempuan,
Sakit perempuan lari pada laki-laki,
Jika helah laki-laki loncor,
Jika helah perempuan ganda,
Cacat cedera kembalikan,
Sawan gila luar janji,
Cacat tidak gila pun tidak,
Janji dibuat dimuliakan,
Di dalam janji digaduhkan,
Sampai janji ditepati,
Muafakat yang tidak bertukar,
Setia yang tidak berubah,
Air akan disauk,
Ranting akan dipatahkan,
Adat benar sama-samalah kita duduki,
Duai yang merangkak,
Berkampung,

Yang jauh saya dijemputkan,
Yang dekat saya kampungkan,
Yang jauh sudah terkampung,
Yang dekat sudahpun datang,

Meranti ditengah padang,
Mari ditebang tiga muka,
Saya menanti datuk datang,
Apa kata yang saya nak buka,

Ibu bapa beranak buah,
Orang semenda tempat semenda,
Tempat yang baru mengadakan ipar dan ramai,
Tempat yang lama mengadakan anak buah dan pinak,
Bila mengadakan anak maka terhutanglah orang semenda,
Pagi melepaskan petang mengandangkan,
Kok kerbau jangan merompak,
Kok ayam jangan dicekau musang,
Dapat baik disampaikan baik,
Kok buruk disampaikan buruk,
Adat berpangkal ke bumi,
adat berpucuk ke langit,
Iaitu Adat Papatih,
Cincang diberi papah mati diberi balas,
Anak dipanggil makan,
Anak buah disorong balas,
Adat Temenggung,
Siapa membunuh siapa kena bunuh,
Siapa berhutang siapa membayar,
Siapa salah siapa bertimbang,

Raja memerintah alam,
Penghulu memerintah luak,
Ketua memerintah suku,
Waris memerintah pesaka,
Ibu bapa memerintah anak buah,
Tempat semenda memerintah orang semenda,
Laki memerintah bini,
Emak memerintah anak,
Kunci alam kepada Raja,
Kunci luak kepada Penghulu,
Kunci suku kepada ketua,
Kunci waris kepada pusaka,
Kunci anak buah kepada ibu bapa,
Kunci orang semenda kepada tempat semenda,
Kunci bini kepada laki,
Kunci anak kepada emak,
Kemudian daripada itu,
Dilengkung kampung nan bersudut,
Ditokok tangga yang berketak,
Dibetulkan rusuk pelancar,
Ditahan rasuk melintang,
Ditatang lantai nan sebelah,
Ditutup atap nan selayar,
Diarak kayu panjang terhampar rupa kasau,
Terserak tabir layar,
Terkuit bunyi pintu,
Tampak terdiri tiang tengah,
Sembah pada datuk,
Sudah terdinding rupanya tabir,
Sudah terbentang langit-langit,


Tergantung kain sumpai,
Sudah terlonggok rupanya pinang,
Sudah tersusun rupanya sirih,
Sudah berkacip rupanya pinang,
Sudah putih rupanya kapur,
Sudah kuning rupanya gambir,
Sudah bergumpal rupanya tembakau,
Sudah bertimpuh tilam pandak,
Sudah terbentang tilam panjang,
Sudah beratur bantal besar,
Sudah bersusun bantal kecil,
Sudah bergunjung gunung berangkat,
Sudah bersilang gunting-gunting,
Sudah memancung rupanya pedang,
Sudah menikam rupanya keris,
Sudah terurai rupanya tombak,
Sudah terkembang rupanya payung,
Sudah berkecimpung rupanya tawak-tawak,
Sudah meningkah bunyi genderang,
Sudah bersukat ubat bedil,
Sudah terbakar rupanya tunam,
Sudah berderum bunyi lambat,
Adat pun beratur hilang pun bertento.

L A M P I R A N



DATUK PADUKA BESAR

DATO'' ABU HASSAN HAJI SULAIMAN



KETUA KAMPUNG PANGLANG


HAJI UJANG BIN SULAIMAN




DATO⁹⁹ PEDANA

(BUAPAK SERI LEMAK PAHANG)


EN. IBRAHIM B. JAHAYA ANS, PMC, PJK,




TABIR LELANGIT



TABIR LENGKONG




TIKAR BEROMPOK




TEPAK SIRIH




HANTARAN DAN BILIK PENGANTIN




PELAMIN



TEMPAT MAKAN BERADAT YANG DISEDIAKAN
SEWAKTU MAJLIS PERKAHWINAN UNTUK
BUAPAK DAN AHLI KELUARGA TERDEKAT.



MAKAN BERADAT YANG DISEDIAKAN UNTUK
BUAPAK .




**BUAPAK DAN AHLI KELUARGA PENGANTIN
SEWAKTU MAKAN BERADAT.**




PENGANTIN BERSANDING DI PELAMIN



ISTIADAT MENEPUNG TAWAR PENGANTIN
OLEH BUAPAK.



ORANG KAMPUNG SALING BANTU MEMBANTU
MENYEDIAKAN HIDANGAN.



**"PEPALAS"— KHEMAH YANG DIGUNAKAN
SEBAGAI TEMPAT MEMASAK.**



SANAK SAUDARA SEDANG SIBUK
MENYEDIAKAN HIDANGAN PENGANTIN.